

# KAWAN DAN LAWAN

Pada zaman ini orang mustahak sungguh bercermat mencari kawan sebab banyak lawan yang berbulu kawan sebaliknya pula kita perlu bijak menarik kawan yang berbulu lawan, oleh sebab didalam pengalaman kerap kali terjadi orang yang disangka lawan itu sebenarnya kawan dan yang disangka kawan itu sebenarnya lawan. Kawan itu ada tiga :

1. Kawan yang ikhlas, cinta, menolong dan mengorbankan apa yang ada pada miliknya untuk keselamatan kita.
2. Kawan yang berniat baik kepada kita tetapi tidak menentukan bantuan dan pertolongan dan
3. Kawan yang pandai bercampur atau berbual dengan lidahnya tetapi perbuatannya menyusahkan kita dan ia membanyakkan dusta dan sumpah kepada kita.

Oleh sebab itu pilihlah di antara tiga itu mana yang patut dijadikan kawan dan jauhkan yang akan menjadi lawan – kata Muhammad Ali (dipetik dari majalah Al-Lisan).

---

yang mulia, sopan yang jati dan berperangai yang terpuji sehingga dengan kerananya Allah telah memberi pujian kepadanya yang belum diberi kepada yang lain sebagaimana dinyatakan didalam al-Quran (maksudnya) “sesungguhnya engkau berakhhlak yang maha utama.”

Tiap-tiap orang islam harus merasa berkewajipan mendidik diri dan anak-anak mereka supaya berakhhlak baik dan utama dan didalam tiap-tiap tempat belajar adalah sangat mustahak memerhatikan masalah ini. Janganlah kiranya mengutama dan melebihkan sangat ilmu pengetahuan yang berjenis-jenis atau mengutamakan soal hidup sahaja padahal akhlak tidak diperhatikan.

---

Tidak bermakna apa-apa ilmu pengetahuan yang berjenis-jenis dan kehidupan yang senang dan mewah itu sekiranya mereka dan anak-anak mereka berakhhlak (berperangai) jahat dan hina, ketiadaan akhlak yang baik akan membawa kerosakan dan kerendahan.

## WASIAH YANG BERHARGA

Orang tak suka berdusta kalau tak sedap, orang bodoh kalau dikatakan pandai, ia suka oleh kerana sedap tetapi orang bodoh tidak suka dikatakan bodoh oleh kerana gelaran itu tak sedap. Orang-orang yang sebenarnya buat kalau dikatakan ia buat ia marah – ini menunjukkan nafsu dan batil mendapat tempat yang besar di dalam hati manusia.

\*\*\*

Sebaik-baiknya rumah di antara rumah-rumah kamu ialah sebuah rumah yang ada padanya seorang anak yatim yang dimuliakan – (maksud) hadis yang diriwayatkan oleh Baihaqi.

\*\*\*

Kesihatan dan kekayaan ialah dua nikmat yang kerap kali tidak dimustahakkan orang oleh sebab ia mengendalikan kepada kekuatan padahal kerap kali orang itu didapat hari ini sihat, esokkannya sakit dan hari ini kaya esoknya papa.

\*\*\*

Pindahlah dari tempat kamu yang dikatakan kamu kelalaian kepadanya – (maksud) hadis sohih yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Baihaqi.

\*\*\*

Kekayaan itu hanya suatu amanah Tuhan kepada kita bagi menjalankan kewajipan – kewajipan yang direhdai-Nya. Kemiskinan itu pula ialah suatu kelonggaran daripada Tuhan yang dengannya kita bebas daripada kewajipan-kewajipan yang telah ditentukan-Nya – kaya dengan tidak menjalankan kewajipan dan amanah itu lebih baik miskin dengan mendapat keredhaan Allah.

\*\*\*

“Hai orang-orang yang beriman belanjakanlah sebahagian daripada apa yang kami telah kurniakan kepada kamu sebelum datang satu hari yang tidak ada perniagaan padanya, tidak ada persahabatan dan tidak ada syafaat dan orang-orang yang kafir itu ialah orang-orang yang zalim” – maksud firman Allah dalam Al-Quran surah Al-Baqarah ayat 254.